

Sabah mahukan satu jawatan Naib Presiden

UM 30 DEC 1999

KOTA KINABALU 29 Dis. — Wanita UMNO Sabah mahu satu daripada tiga jawatan Naib Presiden disandang oleh pemimpin dari negeri itu.

Sambil menyatakan sokongan kepada Datuk Osu Sukam sekiranya dicalonkan, Ketuaanya, Senator Datuk Norian Khan Bahadar berkata, ini kerana Sabah mempunyai keahlian yang ramai berbanding negeri-negeri lain.

“Justeru, amat wajar, sekiranya seorang daripada Naib Presiden dipilih daripada negeri ini (Sabah) manakala dua lagi Naib Presiden daripada Semenanjung.

“Kita bersetuju (Osu dicalonkan) kerana beliau layak untuk menduduki kerusi Naib Presiden.” kata beliau

Norjan menyatakan demikian ketika ditemui pada majlis penyerahan kuih raya sumbangan Badan Perhubungan UMNO Negeri kepada pasukan polis Kontinjen Sabah bagi mewakili Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam di sini, hari ini.

Beliau ditanya mengenai pandangan Wanita UMNO Sabah mengenai desas-desus yang bertiup kencang ketika ini bahawa negeri itu akan mencalon-

kan Osu untuk jawatan Naib Presiden pada perhimpunan agung parti tahun depan.

Osu yang pernah menjadi menteri Pusat dikirakan layak untuk menduduki kerusi itu selain Sabah mempunyai ahli yang ramai, prestasi cemerlang parti itu semasa pilihan raya negeri dan umum baru lalu.

Pada masa ini Sabah mempunyai tiga wakil dalam Majlis Tertinggi UMNO iaitu Osu, bekas Ketua Menteri, Datuk Salleh Tun Said dan Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Shafie Apdal

Norjan yang juga Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Keusahawanan Negeri berkata, kejayaan UMNO pada pilihan raya negeri dan Parlimen baru-baru ini membuktikan kekuatan UMNO negeri yang mendapat sokongan padu rakyat Sabah.

Mengulas keputusan kerajaan supaya menteri kabinet mematuhi kod etika yang ditetapkan, beliau berkata, arahan itu hendaklah dipatuhi bagi memastikan kelicinan tugas seorang menteri tanpa ada apa-apa kepentingan lain.

Arahan yang dikeluarkan

oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada mesyuarat pertama kabinet 15 Disember lepas menyenaraikan 13 tanggungjawab seorang menteri dan 14 perkara berkaitan etika termasuk tidak mempunyai kepentingan dalam perniagaan.

“Kita amat bersetuju supaya seorang menteri tidak mempunyai kepentingan secara terus dengan perniagaan kerana ia sedikit sebanyak mempengaruhi tugas mereka,” katanya lagi.